

aab

Mahathir - Australia

MAHATHIR KESAL SIKAP AUSTRALIA YANG MENGHINA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa kesalnya terhadap Australia yang membesar-besarkan isu ketidakhadiran beliau ke perjumpaan tidak rasmi pemimpin APEC di Seattle baru-baru ini.

"Saya kurang faham dengan sikap Australia yang lebih marah daripada Amerika Syarikat kerana saya tidak pergi ke Seattle," kata beliau kepada pemberita di Bangunan Parlimen di sini.

Katanya, ketidakhadiran beliau ke perjumpaan itu adalah masalah AS kerana negara itulah, bukannya Australia, yang menjemput beliau untuk menghadirinya.

"Tapi nampaknya Australia lebih marah daripada Amerika kerana saya tidak pergi dan memaki saya, mencerca saya dan memanggil saya 'mamak' dan macam-macam.

"Apa jenis wartawan yang sanggup menggunakan perkataan buruk terhadap saya semata-mata kerana saya tidak ke AS," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan-laporan akhbar Australia dan kenyataan Perdana Menteri Australia Paul Keating yang mengkritik beliau kerana tidak hadir pada perjumpaan di Seattle itu. -- Lagi.

▼23/11/17-52MST

CNS9061

U GB 23-11 00133 BA063

aab

Mahathir - Australia 2 Kuala Lumpur

Keating, sebelum berlepas dari Seattle pada Ahad lepas, ditanya pemberita sama ada APEC tidak boleh mengharap Dr Mahathir. Beliau berkata yang beliau tidak mahu menjawab sebarang soalan yang berkaitan dengan Dr Mahathir.

"Saya tidak tahu dan saya tidak peduli... Saya dah jemu menjawab soalan mengenai Dr Mahathir," Keating dilaporkan sebagai berkata dalam akhbar-akhbar Australia.

Dr Mahathir berkata: "Apakah setiap kali saya dijemput, saya mesti berlari-lari untuk pergi."

"Sukar untuk menyukai mereka (Australia)... kita cuba macam manapun nampaknya payah," kata beliau.

"Mereka (wartawan Australia) kurang sopan... itulah sebab saya kata mereka tidak mempunyai sifat-sifat orang Asia dan dengan ini kenyataan bahawa mereka sekarang adalah sebuah negara Asia tidak bermakna sama sekali," kata beliau dengan nada serius. -- Lagi.

▼23/11/18-33MST

CNS9109

U GB 23-11 00102 BA068

aab

Mahathir - Australia 3 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, Australia akan bertindak balas dengan segera jika Malaysia mengkritiknya.

"Kalau dia mengata (mengkritik) pada kita, dan kita jawab balik, dia kata kita tak patut cakap demikian tapi yang mula cakap (kritik) ialah dia," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada sebarang tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak, beliau berkata: "Kita tidak boleh buat apa-apa jika orang tidak bersopan... kalau mereka kanak-kanak, kita boleh memukul mereka tetapi jika seluruh negara atau wartawan tidak bersopan, payah nak buat apa-apa."

-- Bernama.

RS NMO

▼23/11/18-58MST